



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

PENYERAHAN SUMBANGAN MAFI PRIHATIN OLEH YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI, TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II DI NEGERI KELANTAN

TUMPAT, 17 Jun 2021 – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada 400 keluarga di Kg. Ketil, Tumpat hari ini.

Penyerahan bantuan MAFI Prihatin disampaikan oleh YB Dato' Haji Che Abdullah Bin Mat Nawi, Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan II.

Sumbangan yang berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan ini merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19.

Antara barangan yang disalurkan adalah petola, peria, cili merah, pisang tanduk dan nanas.

MAFI mengambil pelbagai pendekatan khususnya dalam memastikan kelancaran dan kelangsungan rantaian bekalan makanan termasuk isu lambakan, surat pergerakan dan pelaksanaan 42 Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara. Di Kelantan sebanyak dua outlet yang beroperasi pada ketika ini iaitu di Pusat Operasi FAMA Kota Bharu dan RTC Kelantan.

Selain itu, lebih hasil pertanian yang terdapat melalui sumbangan MAFI Prihatin ini juga secara tidak langsung dapat membantu para petani yang mengalami masalah lebih pengeluaran dan pemasaran ketika tempoh pelaksanaan 'Total Lockdown' dan pada masa yang sama dapat membantu golongan yang terkesan.

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKP Total Lockdown Fasa Pertama ini, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan (*Crisis Management Centre*) yang beroperasi pada pukul 8 pagi hingga 7 malam.

Terdapat beberapa berita yang disiarkan sepanjang tempoh pelaksanaan Total Lockdown ini yang kurang tepat. Kementerian menyeru agar pihak media dapat mengeluarkan berita yang lebih tepat kepada pembaca agar segala bentuk bantuan dan tindakan dari pihak kerajaan sampai ke pengetahuan golongan sasar.

Ini bagi membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php>) atau menghubungi talian hotline FAMA di 019-7476754/013-3777100/010-7632684.

#####

16 JUN 2021

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Anzara Azizan@Halim
Pengarah Komunikasi Korporat
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
017-8448420 / anzara@fama.gov.my

Muhammad Firdaus Bin Kamil Hadi
Penolong Pengarah Kanan Komunikasi Korporat
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
012-3566350 / muhammad_firdaus@fama.gov.my



**LOKASI PASAR SEGAR TERKAWAL (PST):
PUSAT OPERASI, PASAR TANI KEKAL (PTK), AGROBAZAAR & MY FARM OUTLET (MFO) YANG
BEROPERASI
DI SELURUH MALAYSIA DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 TOTAL LOCKDOWN (1-14 JUN 2021)**

